


Barah otak adalah sekumpulan sel otak yang membesar di luar kawalan lalu membentuk ketulan di dalam otak. Barah otak adalah penyebab kanser nombor dua di kalangan kanak-kanak selepas leukemia.

GEJALA DAN TANDA-TANDA BARAH OTAK

Sakit kepala adalah gejala utama di kalangan pesakit barah otak; namun begitu sakit kepala juga merupakan gejala umum penyakit kanak-kanak seperti demam virus, sakit telinga, sakit gigi dan rabun mata.

Ciri-ciri sakit kepala yang mungkin disebabkan oleh barah otak:

- ▶ sakit kepala berterusan tanpa sebab (berlanjutan lebih dari seminggu hingga berbulan-bulan)
- ▶ sakit kepala yang teruk hingga membangkitkan anak terjaga dari tidur
- ▶ sakit kepala yang semakin teruk
- ▶ sakit kepala bersama rasa loya atau muntah-muntah terutamanya pada awal pagi.
- ▶ sakit kepala berserta lemah anggota badan dan sawan
- ▶ sakit kepala berserta gejala-gejala berikut:



MEMAHAMI BARAH OTAK



Untuk maklumat lanjut mengenai Kanser Kanak-kanak atau perkhidmatan yang disediakan oleh SCCS, sila hubungi:

Sarawak Children's Cancer Society (SP1485)

Lot 5493, Lorong 15, Taman Desa Wira,
Jalan Batu Kawa 933250 Kuching

☎ 082-626276 📠 082-626276

✉ administrator@sccs.org.my

🌐 sccs.org.my

Kelewatan diagnosis barah otak di kalangan kanak-kanak selalunya disebabkan oleh gejala yang kurang spesifik dan gejala yang tidak kelihatan serius pada mulanya.

BAGAIMANA BARAH OTAK DIKENALPASTI (DI DIAGNOSIS)?

Kanak-kanak yang disyaki menghidap barah otak akan memerlukan imbasan (scan) otak. Terdapat 2 jenis imbasan otak :

► **CT Scan (Computerised Tomography)**

Kaedah imbasan yang lebih pantas, memberikan gambaran tentang struktur dan cecair di otak. Imbasan ini membantu mengesan sebarang bengkak dan pendarahan otak disebabkan oleh barah. Ubatan “contrast” diberi untuk menunjukkan imej barah dengan lebih jelas.

► **MRI Scan (Magnetic Resonance Imaging)**

Imbasan ini menggunakan magnet yang kuat untuk memberi gambaran yang lebih terperinci mengenai otak dan saraf tunjang, sekaligus menunjukkan kedudukan barah dengan lebih tepat berbanding imbasan CT. Proses imbasan MRI mengambil masa yang lebih lama berbanding imbasan CT. Oleh itu, ubat tidur atau bius biasanya diperlukan supaya kanak-kanak tidak bergerak sewaktu imbasan dijalankan.

UJIAN LAIN YANG MUNGKIN MEMBANTU

1. Ujian Darah:

Sesetengah jenis barah otak (seperti “germ cell tumor”) melepaskan bahan kimia ke dalam darah dan ujian darah mampu memberikan diagnosis tanpa biopsi.

RAWATAN PEMBEDAHAN NEUROSURGERI

Tujuan utama pembedahan adalah untuk :

- membuang barah otak
- biopsi jika tidak dapat membuang barah
- melegakan tekanan dalam tengkorak kepala akibat barah otak

1. PEMBUANGAN BARAH

Pakar bedah akan cuba membuang barah otak tanpa merosakkan tisu otak normal di sekitar barah tersebut. Bagi sesetengah jenis barah otak (seperti “low grade astrocytoma”) hanya pembedahan diperlukan. Peluang untuk sembuh lebih tinggi apabila pembedahan dapat membuang semua tisu barah otak. Biopsi dan pembedahan separa diikuti oleh rawatan kemoterapi dan radioterapi mungkin dipertimbangkan jika pembedahan gagal untuk membuang kesemua tisu barah otak.

2. BIOPSI

Biopsi adalah proses pengambilan sedikit sampel tisu daripada barah otak. Ini boleh dilakukan dengan :

- **kaedah pembedahan** – pengambilan sampel tisu otak secara terus melalui pembukaan pada tengkorak kepala
- **kaedah stereotaktik** – jarum dimasukkan melalui tengkorak kepala dan dihalakan ke barah otak dengan bantuan mesin pengimbas (scan) untuk mengambil sampel.

3. MELEGAKAN TEKANAN DALAM TENGGORAK KEPALA

Cecair serebrospina yang mengelilingi otak dan saraf tunjang merupakan satu sistem bendalir yang sentiasa bergerak. Sebarang ketumbuhan atau barah otak boleh menyebabkan pengaliran cecair serebrospina tersumbat / terganggu lalu menyebabkan ‘hydrocephalus’ sekaligus meningkatkan tekanan di dalam tengkorak kepala. Ini boleh mendatangkan maut jika tidak ditangani.

Jika keadaan ini berlaku, maka pembedahan kecemasan akan dilakukan untuk membuang cecair serebrospina yang berlebihan dengan memasukkan tiub sementara ke dalam otak

(external ventricular drain). Pembedahan pembuangan barah otak akan dilakukan kemudian apabila pesakit tersebut stabil. Sesetengah pesakit mungkin akan memerlukan tiub kekal di dalam otak (ventriculoperitoneal shunt) untuk membantu pengaliran cecair serebrospina selepas pembedahan.

RADIOTERAPI

Radioterapi menggunakan radiasi tenaga tinggi yang difokuskan pada barah otak dengan alat khas untuk membunuh sel-sel kanser. Rawatan ini dijalankan selepas pembedahan dan jarang diberi untuk kanak-kanak yang berumur kurang dari 3 tahun. Dos radiasi yang diperlukan dibahagikan kepada dos harian yang kecil yang dipanggil “fractions”. Ini diberi setiap hari kecuali pada hujung minggu. Perancangan teliti dilakukan supaya seboleh-bolehnya hanya tisu barah dibunuh.

KEMOTERAPI

Kemoterapi adalah ubat ‘cytotoxic’ yang disuntik atau dimakan untuk memusnahkan sel-sel kanser. Kemoterapi selalunya diberi selepas pembedahan dan kadangkala sewaktu rawatan radioterapi.

Kesan jangka panjang akibat penyakit dan rawatan

- Tempoh perhatian menjadi lebih singkat
- Ingatan terjejas
- Kemerosotan IQ
- Kurang peka
- Masalah tingkahlaku
- Ketidakseimbangan hormon
- Lumpuh / lemah tubuh badan
- Penglihatan terjejas
- Masalah pendengaran
- Masalah buah pinggang
- Scoliosis / keabnormalan tulang rangka